

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]  
**TARIKH** : 19 Mei 2016  
**SOALAN** : Dato' Wira Othman bin Abdul minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan anggaran kasar kerugian hasil padi di negeri-negeri yang terlibat dengan kemarau sekarang terutama di negeri Kedah. Adakah Kerajaan bercadang untuk membantu petani-petani terlibat bagi mengurangkan beban hidup mereka.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Fenomena El-Nino yang sedang melanda negara telah memberi kesan terhadap sektor pertanian. Pada masa ini, Kementerian melalui kerjasama Jabatan dan Agensi sedang menjalankan pemantauan dan banciaan terhadap kawasan-kawasan yang terjejas. Anggaran kasar kerugian hasil padi di negeri-negeri yang terjejas akibat kemarau sehingga kini direkodkan adalah sebanyak RM474,747.00 melibatkan seramai 116 orang. Manakala anggaran nilai kerugian di Negeri Kedah adalah sebanyak RM215,397.00 melibatkan 61 orang. Di kawasan Muda, tiada anggaran kerugian direkodkan memandangkan aktiviti penanaman baru bermula dan mengikut jadual.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mempertimbangkan bantuan ihsan kepada pesawah yang mengalami kerugian hasil pertanian akibat bencana seperti El-Nino di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan (TBBA).